

25 AUG 1997

ERTI KEMERDEKAAN PERLU DIHAYATI BAGI MELAHIRKAN NEGARA MAJU

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Golongan belia hari ini diminta menghayati erti sebenar kemerdekaan serta mengisi kemerdekaan itu dengan berusaha menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik berkata erti sebenar kemerdekaan perlu dihayati bagi memastikan negara maju dalam kedua-dua aspek -- ekonomi dan pembangunan insan.

"Kita tidak mahu melihat kemajuan negara hanya dari aspek pertumbuhan ekonomi semata-mata, malahan kita ingin melihat perkembangan insan dan pembangunan ekonomi berjalan seiring," katanya ketika berucap merasmikan pameran Logo Hari Kebangsaan di sini hari ini.

Sabbaruddin berkata pemilihan tema untuk hari kebangsaan tahun ini "Akhlag Mulia Masyarakat Jaya" ialah bagi menekankan betapa pentingnya akhlak mulia di kalangan individu bagi melahirkan sebuah masyarakat madani yang cemerlang.

Akhlag mulia yang lahir dalam diri individu dapat menghindari pelbagai masalah sosial, katanya.

Sebanyak 200 logo terbaik yang menyertai pertandingan mencipta logo sempena hari kebangsaan tahun ini dipamerkan. Satu daripada 11 logo terbaik dipilih oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dijadikan logo Hari Kebangsaan tahun ini.

Muhamad Azid Abdul Latif yang dipilih sebagai pemenang utama pertandingan itu menerima hadiah RM5,000. -- BERNAMA

SN NMO